

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(B)(V)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

19. Status kerja-kerja menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.
- (a) Apakah status kerja-kerja menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas setakat kini?
 - (b) Apakah perancangan masa depan berhubung dengan peningkatan kapasiti penumpang untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

19. (a) Status projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) kini telah mendapat kelulusan pelan Kebenaran Merancang daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan pihak perunding yang telah dilantik oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) juga telah membuat permohonan untuk kelulusan pelan bangunan. Buat masa ini, kerja pembinaan fizikal di tapak masih belum dijalankan kerana masih di peringkat tender.
- (b) Perancangan masa depan pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) berhubung dengan peningkatan kapasiti penumpang di LTAPP adalah dengan melaksanakan projek menaik taraf dan pembesaran LTAPP untuk meningkatkan kapasiti keupayaan pengendalian penumpang daripada 6.5 juta penumpang setahun kepada 12 juta penumpang setahun. Pada masa yang sama, MAHB juga telah melantik pihak perunding bagi melaksanakan kajian baharu untuk mengemaskini Pelan Induk Pembangunan Lapangan Terbang (*Master Plan Airport Development*) bagi beberapa

buah lapangan terbang di Malaysia termasuk LTAPP. Kajian ini juga meliputi jangkaan unjuran trafik penumpang dan pesawat serta pelan pembangunan secara berfasa bagi LTAPP untuk tempoh sehingga tahun 2050. Kajian ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2020.